



MOD.100-2/1/2 Jld 7 () 04/05

MAJLIS PELUNCURAN PROGRAM WORK-BASED LEARNING KEMENTERIAN PERTAHANAN

1. TERENDAK, MELAKA, 15 Mei 2026 – **Menteri Pertahanan, YB Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin** hari ini menyempurnakan **Majlis Peluncuran Program Work-Based Learning (WBL) Kementerian Pertahanan** di Dewan Serbaguna, Kem Terendak, Melaka sebagai inisiatif strategik memperkasa pendidikan dan pembangunan modal insan warga Angkatan Tentera Malaysia (ATM).
2. Program WBL merupakan inisiatif Kementerian Pertahanan yang **mengiktiraf pengalaman serta kompetensi anggota ATM kepada kelayakan akademik melalui pendekatan pembelajaran berasaskan pengalaman dan latihan di tempat kerja tanpa menjejaskan tugas hakiki perkhidmatan.**
3. Inisiatif ini selaras dengan **Fokus Keenam Kementerian Pertahanan Tahun 2026 yang menekankan aspek kesejahteraan serta pembangunan modal insan warga ATM.**
4. Bagi memperkukuh pelaksanaan program ini, Kementerian Pertahanan sebelum ini telah **menandatangani Nota Kerjasama bersama Kementerian Pendidikan Tinggi pada 2 Disember 2024** bagi memperluas akses pendidikan tinggi dan pembelajaran sepanjang hayat kepada warga ATM.
5. Antara objektif utama pelaksanaan Program WBL adalah untuk:
 - a. **Membudayakan pembelajaran sepanjang hayat** di kalangan warga ATM.
 - b. **Mengiktiraf pengalaman kerjaya ketenteraan** kepada jam kredit akademik.
 - c. **Meningkatkan tahap kelulusan akademik** anggota ATM.
 - d. **Memperkukuh kebolehpasaran anggota** sebagai persediaan kerjaya kedua selepas tamat perkhidmatan.
6. Pada majlis tersebut, turut berlangsung **pertukaran Memorandum Perjanjian (MoA) antara ATM bersama Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM), Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan City University Malaysia** sebagai simbol pengukuhan kerjasama strategik dalam pelaksanaan Program WBL.
7. Menteri Pertahanan turut menyampaikan **Surat Perakuan Tamat Pengajian** kepada 36 peserta Kohort 1/2025 yang telah memulakan pengajian pada Jun 2025, selain menyampaikan **Surat Tawaran Pengajian** kepada 24 peserta baharu Kohort 2/2026 yang dijadualkan memulakan pengajian pada Jun 2026.

8. Sehingga kini, seramai **461 anggota ATM** telah menerima manfaat daripada Program WBL melibatkan **231 anggota di UiTM** dan **230 anggota di UPM**, dengan kesemua peserta dijangka bergraduasi pada November dan Disember tahun ini.
9. Bagi **tahun 2026**, program ini akan diperluaskan dengan **sasaran penyertaan seramai 1,520 anggota ATM**, melibatkan **12 institusi pengajian tinggi** serta peruntukan keseluruhan sebanyak hampir RM 10 juta.
10. Selain peluncuran program, majlis turut dimeriahkan dengan reruai pendidikan melibatkan institusi pengajian tinggi serta penganjuran Karnival Pendidikan Anak-Anak ATM bagi memperluaskan kesedaran berkaitan peluang pendidikan kepada warga ATM dan keluarga mereka.
11. Kementerian Pertahanan komited untuk terus memperkukuh pelaksanaan Program WBL sebagai platform strategik dalam **melaahirkan warga ATM yang lebih berpengetahuan, berkemahiran dan berdaya saing** selaras dengan aspirasi pembangunan modal insan pertahanan negara.
12. Majlis turut dihadiri Panglima Tentera Laut mewakili Panglima Angkatan Tentera, Laksamana Tan Sri (Dr.) Zulhelmy bin Ithnain; Ketua Staf Markas ATM, Leftenan Jeneral Dato' Seri Haji Muhammad Huzaimi bin Sabri; Pegawai Kanan ATM dan Awam Kementerian Pertahanan serta wakil institusi pengajian tinggi yang terlibat.

-TAMAT-

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“PERTAHANAN NEGARA, TANGGUNGJAWAB BERSAMA”

**Unit Komunikasi Strategik
Kementerian Pertahanan Malaysia
Dikeluarkan pada 15 Mei 2026**